



## **BAB PERTAMA**

### **PENDAHULUAN**

#### **1.1 Latar belakang masalah**

Thailand merupakan salah sebuah daripada negara-negara anggota Asean yang terletak di Asia. Ia mengandungi 76 buah wilayah dan mempunyai penduduk seramai 57 juta orang, yang berada di bawah naungan sistem pemerintahan secara demokrasi.

Majoriti penduduk Thailand adalah beragama Budha. Manakala umat Islam dan pengikut agama-agama lain seperti agama Kristian, Hindu, dan Cina merupakan penduduk minoriti di negara tersebut.<sup>1</sup>

Sebahagian besar daripada umat Islam yang terdapat di Thailand, merupakan penduduk yang tinggal di bahagian sempadan selatan Thailand yang meliputi lima wilayah iaitu wilayah Narathiwat, Yala, Pattani, Songkla dan Setun. Mereka adalah keturunan Melayu yang mempunyai kedudukan dan latar belakang yang tersendiri dari segi sejarah, agama, bangsa dan budaya yang berbeza dengan penduduk di wilayah-wilayah lain.<sup>2</sup>

Melalui sistem pemerintahan demokrasi di Thailand, umat Islam diberi peluang untuk menghayati ajaran agama dan melaksanakan sebahagian daripada undang-undang Islam. Terutamanya berhubung dengan keluarga dan pusaka di

---

<sup>1</sup> Faculty of law,(t,t) *Thailand and The Islamic World*, Bangkok: Chulalongkon University hal. 7

<sup>2</sup> Farid Matzin , Zulkarnain Muhamed (1998), *Minoriti Muslim di Thailand*. Selangor: L minda

mahkamah Thai melalui hakim (*Qādī*) yang dilantik dari kalangan orang Islam yang pakar dalam hukum-hakam agama.<sup>3</sup>

Bagi wilayah yang kebanyakan penduduknya beragama Islam, pihak pemerintah Thailand telah memberi kebenaran untuk menubuhkan sebuah organisasi Islam yang bertanggungjawab dalam mengatur dan mengawal hal ehwal agama dalam wilayah tersebut. Organisasi tersebut dikenali sebagai “Majlis Agama Islam Wilayah.” Ia merupakan sebuah institusi sosial keagamaan yang bertujuan untuk mengurus hal ehwal yang berkaitan dengan agama Islam dan masyarakat Muslim di setiap wilayah yang terdapat umat Islam.<sup>4</sup>

Bidang kuasa Majlis Agama Islam Wilayah adalah seperti mengurus hal ehwal agama Islam dan mengeluarkan prosedur-prosedur yang perlu dilaksanakan berdasarkan persetujuan umat Islam di wilayah itu sendiri. Majlis tersebut tidak mempunyai hak untuk menguatkuasakan prosedur-prosedur yang di gariskan itu kecuali mendapat kebenaran daripada pihak mahkamah.<sup>5</sup>

Namun demikian, umat Islam di negara ini sangat mematuhi segala aturcara dan arahan yang dikeluarkan oleh Majlis Agama Islam. Ini kerana, ia merupakan institusi keagamaaan yang ditubuhkan dan anggotanya dipilih melalui persetujuan

---

<sup>3</sup> Sdn Bhd , hal. 85

<sup>4</sup> Naromg Siri Pacana (1975), *Kwam Penma Khong Kodmai Islam lae Dato' Yutitham (Sejarah Pelaksanaan Undang Islam Dan Dato' Qadi)*, Nakhon Sri thammaraj: Sri Aksorn hal. 44  
Dan lihat Somboon Putajuk (1986) *Kan cai Kodmai Islam Nai Cangwad Pattani Narathiwat, Yala Lae Setul*, (Pelaksanaan Undang-undang Islam dalam Wilayah Pattani, Narathiwat, Yala dan Setul ), Bangkok: Culalongkon University, hal. 1.

<sup>5</sup> *Ibid.*, hal. 181.

5 Temubual dengan Dato' Hj Che' Mood Toknakayo bekas Yang DiPertua Majlis Agama Islam Wilayah Narathiwat di Sri Sakhon, pada 3 Ogos 1999.

ramai oleh umat Islam di wilayah itu sendiri. Oleh itu, Majlis Agama Islam wilayah sangat di percaya dan di sanjung tinggi oleh umat Islam di setiap wilayah.

Antara kes-kes yang dikendalikan oleh Majlis Agama Islam Wilayah sebahagian besarnya adalah yang berkaitan dengan hukum hakam agama. Namun, terdapat sebahagian kes sahaja yang tidak dapat diselesaikan lantaran memerlukan pengadilan daripada pihak mahkamah untuk diselesaikan dengan menggunakan undang-undang Islam, seperti kes yang berkaitan dengan urusan kekeluargaan dan pusaka (*Farāid*). Manakala bagi kes-kes yang tidak berkaitan dengan keagamaan akan diselesaikan mengikut undang-undang yang digunakan oleh mahkamah civil Thai.

Memandang kepada pentingnya prosedur-prosedur perkahwinan yang dilaksanakan di Majlis Agama Islam Wilayah dan perlaksanaannya adalah berbeza antar satu wilayah dengan yang lain maka penulis telah memilih tajuk “Analisis Terhadap Perlaksanaan Prosedur Perkahwinan Dan Perceraian Majlis Agama Islam Wilayah Nartahiwat Thailand” Sebagai tajuk tesis bagi melengkapkan kursus Sarjana di Akademi Pengajian Islam, University Malaya.

### **1.1.1. Wilayah Narathiwat Satu pengenalan Ringkas**

Narathiwat merupakan salah sebuah daripada 76 wilayah yang terdapat di negara Thailand. Ianya bersempadan Negara Malaysia, Wilayah Narathiwat

dikatakan mempunyai sejarah silam sebagaimana yang tercatat di dalam buku-buku sejarah di Nusantara.

Sebelum Narathiwat dijadikan nama bagi sebuah wilayah yang ada sekarang ini, ia mempunyai nama asalnya yang di sebut sebagai “ Manalo ”, iaitu nama bagi sebuah daerah kampung yang berada di bawah negeri Saiburi semasa permulaan Pattani jatuh di bawah jajahan Siam.<sup>6</sup>

Menurut sejarah, sebagaimana kita ketahui bahawa sebelum Pattani jatuh ketangan Siam pada 1785, negeri Pattani adalah sebuah negeri besar. Ia merangkumi kawasan-kawasan yang sekarang dipanggil “Changwad” atau wilayah Narathiwat, Yala, Pattani dan sebahagian dari pada wilayah Senggora.<sup>7</sup>

Pada tahun 1815 M kerajaan Siam telah membahagikan negeri Pattani kepada tujuh “Negeri kecil” masing-masing bernama Nongcik, Jambu, Jalor (Yala), Teluban (Saiburi), Legeh (Raange), Raman dan Pattani sendiri. Setiap negeri kecil ini dilantik “raja-raja” dari kalangan orang-orang yang dapat bekerjasama dengan kerajaan Thailand.<sup>8</sup>

Selanjutnya pada tahun 1906 M semasa kerajaan Siam dipimpin oleh Raja *Pracullacom Klau*, beliau memerintahkan supaya negeri-negeri kecil yang terdiri daripada tujuh negeri itu disusun semula menjadi hanya empat buah “Negeri” iaitu

---

6- Samnakngan Changwad Narathiwat( 1997) *Khomoon Thu pai Changwad Narathiwat* hal. 1.  
7-Ahmad fathy Al faṭāni (1994), *Pengantar Sejarah Pattani*, Kedah: Pusataka Darussalam: hal.60

8- *Ibid.* hal. 60

Pattani (dengan memasukkan Nongcik dan Jambu), Negeri Yala (dengan memasukkan Raman), Negeri Saiburi, dan Negeri Legeh (Raanget).<sup>9</sup>

Kampung “Manalo” yang asalnya berada di bawah negeri Saiburi dimasukkan di bawah Negeri Raanget. Pada waktu itu, daerah Manalo merupakan kampung yang lebih maju dari pusat Negeri Raanget, lantas raja *Somdec PraMongkuj Klau* memerintahkan supaya pusat negeri Raanget ini berpindah kepada tempat yang bernama “Manalo” dan namanya ditukar dengan nama baru iaitu “**Narathiwat** ” yang tersusun dari dua perkataan Thai ‘Nar + Otiwas’ yang bererti tempat tinggal orang baik-baik.<sup>10</sup>

Sehingga 19hb Mei 1916M istilah negeri ditukar dan diganti pula dengan sebutan “Changwad ” atau “ Wilayah ” sebagaimana yang digunakan sekarang. Kemudian pada 16hb Februari 1931M Saiburi (Teluban) ditukarkan daripada sebuah wilayah menjadi hanya sebuah daerah dalam wilayah Pattani, demikian sebuah ‘Negeri Pattani Besar’ berubah yang kini dikenali sebagai wilayah Pattani, wilayah yala, wilayah Narathiwat dan wilayah Satun. Kesemua wilayah ini, kini diketuai oleh seorang ‘governor’ yang terkenal dikalangan orang melayu dengan raja negeri.<sup>11</sup> Sehingga sekarang bilangan ‘governor’ bagi wilayah Narathiwat berjumlah 35 orang.<sup>12</sup>

Pentadbiran pemerintahan wilayah Narathiwat dibahagikan kepada 13 jajahan (Ampor), 77 daerah (Tambon) dan 537 kampung, lihat jadual (lampiran

9 Samnakngan Changwad *op.cit.*, hal. 1.

10 *Ibid.*, hal. 2.

11 Ahmad fathy al fatāni *op. cit.*, hal. 60.

12 Samnakngan Changwad. *op cit.*, hal. 1.

LL) .Menurut statistik bulan Disember 1999 M jumlah penduduk wilayah Narathiwat seramai 662,234 orang yang terdiri dari laki-laki 330, 494 dan perempuan 331, 740 lihat jaudual (lampiran MM)

Dari jumlah penduduk diatas dapat di prosentasikan kepada penduduk yang beragama Islam sebanyak 82.12% , agama Budha 17.32%, agama keristian 0.34% dan agama Hindu & Shik sebanyak 0.22%<sup>13</sup>

### **1.1.2 Sejarah kemasukan Islam ke wilayah Narathiwat**

Berdasarkan sorotan sejarah mengenai perkembangan Islam di rantau ini, ia tidak menyebut secara tepat tentang perkara yang berkaitan kemasukan dan penyebaran Islam ke Narathiwat. Sejarah hanya menceritakan tentang kedatangan Islam ke Pattani sahaja, namun begitu, pada hakikatnya ia adalah sama. Hal ini disebabkan kawasan yang disebut sebagai wilayah Narathiwat merupakan salah sebuah daerah yang berada di negeri Pattani besar yang mencakupi wilayah Pattani, Yala, Narathiwat dan Setun sekarang ini.

Adalah di percayai bahawa agama Islam sampai di Pattani kira-kira pada abad 10 atau 11 masih melalui pedagang-pedagang Arab dan Hindustan yang di gelar sebagai *khaek* yang bererti pendatang atau orang penumpang .<sup>14</sup>

13 Majlis Agama Islam Wilayah Narathiwat (1999), *Pengenalan ringkas Majlis Agam Islam Wilayah Narathiwat*. hal. 16.

14 Abd. Halim Bashar (1994), *Raja Campa Dinast I Jambal dalam Pattani besar (Pattani – Kel – Terengganu )* Kelantan: Pustaka reka cetakan pertama, hal. 47.

Menurut Emanuel Godinho, Eridia (1613 M) berpendapat bahawa agama Islam telah tersebar ke Pattani dan Pahang lebih awal berbanding penyebaran Islam di Melaka. Sepertimana tercatat dalam sejarah Kelantan bahawa kira-kira pada tahun 1150 M seorang syeikh dari Pattani telah datang ke Kelantan (pusat kerajaan Sriwijaya sebelum berpindah ke Jambi) dan menyebar Islam di sana, ini menunjukkan bahawa Islam sudah tersebar ke Pattani sebelum Kota Melaka di dirikan 200 tahun.<sup>15</sup>

Sejarah juga telah merakamkan bahawa Islam mula berkembang di kalangan penduduk rakyat Pattani dahulu selepas itu barulah ia berkembang dikalangan raja-raja Pattani. Hal ini disebabkan mereka memeluk Islam pada tahun 1457 M setelah kedatangan *syeikh Sa'id Barsis* dari Basrah Pasai dan dari sinilah diketahui bahawa raja Pattani memeluk Islam.<sup>16</sup>

Menurut sejarah (*Hikayat Pattani*) Raja Pattani yang pertama memeluk Islam ialah *Pya Phuphakdi* iaitu orang yang mula-mula membuka negeri Pattani.<sup>17</sup> Menurut kisahnya, padu suatu ketika raja Pattani telah ditimpah penyakit mekah dada dan ia telah merebak ke seluruh badan, dengan segala usaha dan daya baginda telah diubati dari seluruh negeri tetapi penyakitnya tidak sembah.

Sehingga akhirnya baginda bertemu dengan seorang ulama dari Pasai yang bernama *Syeikh Sa'id*, beliau telah dipanggil ke istana untuk mengubati penyakit baginda itu. Ketika itulah *Syeikh Sa'id* menggunakan kesempatan mengubati baginda dengan membawa unsur-unsur dakwah mengenai agama Islam di lingungan

---

15 A.bangnara (t,t) *Pattani dulu dan sekarang* (edisi Thai ) hal. 9

istana. *Syeikh Sa'īd* sanggup mengubati baginda tetapi dengan menetapkan beberapa syarat.

Antara syaratnya ialah, apabila baginda sembuh daripada penyakit itu, baginda hendaklah memeluk agama Islam. Syarat tersebut dipersetujui oleh raja. Namun, setelah sembuh, baginda tidak menepati janjinya untuk memeluk agama Islam, sehingga dalam beberapa tahun kemudian penyakit lamanya datang kembali sekali lagi, *Syeikh Sa'īd* dipanggil untuk mengubati penyakit baginda dan perkara yang sama telah dinyatakan oleh *Syeikh Sa'īd* dan sekali lagi baginda memungkiri janji tersebut.

Akhirnya penyakit itu menyerang baginda untuk kali ketiga, kali ini barulah baginda bersumpah katanya “ *jikalau sembuh penyakit ku kali ini tiadalah aku ubahkan janji ku kali ini demi berhala yang aku sembah ini jikalau aku mengubahkan janjiku ini jangan sembuh penyakit ini selama – lama nya* ” setelah baginda sembuh dari penyakitnya beliau sekeluarga dan pembesar-pembesar istana memeluk agama Islam. Setelah masuk Islam baginda telah menukar nama dengan nama Sultan Ismail Zilullah atau Sultan Ismail Shah.<sup>16</sup> Setelah itu Islam mula berkembang di seluruh negeri Pattani besar yang termasuk wilayah Narathiwat sekarang.

---

16 Abdul Halim Bashar *op. cit.*, hal. 48.

17 Ahamad Fathy *op.cit* , hal . 13.

18 Lihat : A Sangnara *op. cit.*, hal. 1., Haji Abdul Halim Bashar. *op. cit.*, hal. 49. dan Ahmad fathy *op. cit.*, hal. 13

### **1.1.3 keadaan umat Islam di wilayah Narathiwat**

Narathiwat adalah sebuah wilayah mempunyai majoriti penduduknya beragama Islam berketurunan Melayu. Mereka berkomunikasi antara satu sama lain dengan menggunakan Bahasa Melayu tempatan sebagai bahasa perantaraan. Namun begitu, Bahasa Thai menjadi bahasa rasmi negara Thailand. Ia digunakan semasa menjalankan urusan rasmi pegawai kerajaan.

Keadaan sosial dan suasana masyarakat Islam di Narathiwat tidak berbeza umat Islam di negara jiran iaitu Malaysia. Hal ini dapat dilihat dari sudut penghayatan hukum fiqh. Mereka secara keseluruhannya berpegang kepada mazhab *al-Syafie'i* dan beraqidah dengan aliran *Khalāf al-Asyā'-irah*.

Mereka juga mengamalkan cara hidup bermasyarakat yang sihat seperti bergotong royong, bantu membantu di antara satu sama lain. Keadaan ini dapat dilihat di dalam upacara kematian, perkahwinan, atau perayaan hari kebesaran Islam. Semangat bergotong royong ini bukan terjalin dalam kalangan keluarga sahaja, malah ianya di amalkan di antara satu kampung dengan kampung yang lain seperti mengundang ke majlis keramaian, berkumpul bersama dalam majlis jamuan makan, memberi hadiah sebagai tanda penghargaan, sedakah kepada golongan yang kurang berkemampuan dan sebagainya. Selain itu, mereka juga masih mengekalkan warisan kebudayaan Melayu seperti ilmu persilatan, dikir barat, mak yong dan permainan wau pada setengah kampung. Kebelakangan ini mereka cuba

meninggalkan segala amalan atau kebudayaan yang dikira bercanggah dengan ajaran Islam.<sup>19</sup>

Tahap pendidikan bagi penduduk di wilayah Narathiwat ini berada dalam tahap yang baik. Kira-kira 69.28 % kanak-kanak diperingkat persekolahan mengikuti pelajaran disekolah-sekolah kerajaan dan swasta.<sup>20</sup>

Bagi Pendidikan umum di wilayah Narathiwat pihak kerajaan telah menyediakan sistem pembelajaran umum bermula dari peringkat pra sekolah, sekolah rendah dan sekolah menengah. Pada dasaranya, keadaan umat Islam yang menerima pendidikan umum ini kurang berpuas hati disebabkan sistem pendidikannya tidak mementingkan ilmu-ilmu agama.

Justeru itu umat Islam telah menujuhkan institut pendidikan agama secara khusus seperti taman didikan kanak-kanak (tadika) disetiap kampung dengan menyediakan mata pelajaran agama sebagai ilmu tambahan bagi anak-anak yang belajar di sekolah kerajaan . Kelas-kelas Tadika ini biasanya diadakan pada hari sabtu ahad setiap minggu (hari cuti sekolah kebangsaan ).

Setelah tamat pelajaran mereka di sekolah rendah kerajaan ibubapa lebih suka menyambung pelajaran anak-anak mereka kesekolah menengah agama rakyat yang berada disekitar wilayah Narathiwat dan willyah yang berhampiran.

---

<sup>19</sup> Temu bual dengan Haji Abd Rahman Abd. Samad Yang Dipertua Majlis Agama Islam Wilayah Narathiwat pada 25 Ogust 1999

<sup>20</sup> Lihat Khon kammathikan Wisaman (1999) *Seksa Phanha ha Changwadcaideng Pakta* Bangkok : Wuthi sepha hal. 36

Kenyataan itu dapat dilihat dari jumlah bilangan pusat pendidikan agama dan jumlah pelajar seperti yang di catatkan di dalam jadual di bawah :

### Jadual 1

kenyataan bilangan sekolah agama , guru dan pelajar di wilayah Narathiwat

Sekolah agama	Jumlah sekolah	Jumlah guru \orang	Jumlah pelajar\orang
Tadika	547	1337 guru	36431
Menegah agama	57	816 guru	22,988

Sumber : Keluaran Majlis Agama Islam wilayah Narathiwat 1999

### 1.2 Kepentingan Tajuk

Berdasarkan latar belakang masalah di atas, dapatlah kita ketahui bahawa Majlis Agama Islam Narathiwat adalah sebuah institusi yang mengatur dan mengawal hal ehwal agama Islam dan umat muslim di setiap wilayah. Ia juga merupakan pusat tumpuan bagi umat Islam untuk menyelesaikan segala masalah terutamanya yang berkaitan urusan kekeluargaan dan pusaka. Antara tugas-tugas utama Majlis Agma Islam ialah.

- 1- Mengatur dan meguruskan hal ehwal kekeluargaan dan pusaka (*Ahwāl shakhsiyah*) bagi umat Islam .
- 2- Sebagai penasihat gabenor Wilayah dan hakim di Mahkamah Sivil Thai dalam urusan yang berhubungan dengan umat Islam

- 3- Mengatur dan menguruskan segala urusan yang berkaitan dengan masjid dan ahli jawatan kuasa dalam Wilayah Narathiwat.<sup>21</sup>

Sehubungan itu, pihak Majlis Agama Islam akan mengeluarkan prosedur-prosedur tertentu untuk dilaksanakan oleh umat Islam di Wilayah Narathiwat. Oleh kerana segala kenyataan dan dokumen yang dikeluarkan oleh jabatan ini akan menjadi pegangan masyarakat Islam di dalam dan luar negara, maka penulis merasakan betapa pentingnya kedudukan prosedur perkahwinan dan perceraian yang dilaksanakan di Majlis Agama Islam Wilayah Narathiwat untuk dikaji agar ia menjadi prosedur yang lebih jelas sebagai panduan kepada sesiapa yang ingin mengetahui dan melaksanakannya samaada di Majlis Agama Islam Narathiwat juga Majlis-Majlis Agama Islam yang lain.

### **1.3 Objektif penyelidikan**

- 1- Meneliti sejauhmana peranan Majlis Agama Islam Wilayah Narathiwat dalam urusan perkahwinan dan penceraian di kalangan umat Islam di wilayah Narathiwat
- 2- Mengetahui prosedur perkahwinan dan penceraian yang dilaksanakan di wilayah Narathiwat
- 3- Mengetahui masalah yang dihadapi didalam melaksanakan prosedur prosedur perkahwinan dan penceraian dengan mengemukakan pandangan-pandangan bagi mengubahsuai prosedur untuk dilaksanakan ke atas umat Islam di wilayah Narathiwat

---

21 Temubual Dengan Dato' Haji Chemood Toknakayo 3 Agustus 1999.

#### **1.4 Tumpuan (Skop) Kajian**

Memandangkan prosedur perkahwinan dan perceraian yang di gariskan di Majlis Agama Islam wilayah Narathiwat sangat luas, penulis hanya akan memfokuskan kepada prosedur-prosedur yang berkaitan dengan wali nikah sebagai tumpuan kajian. Namun ia akan merangkumi wali nasab, wali hakim, atau wali tahkim bagi warganegara Thailand atau warga negara asing. Bagi prosedur yang berkaitan dengan perceraian, penulis akan memberi penekanan kepada prosedur perceraian yang berhubung dengan penggunaan lafaz *talaq*, *talaq Ta'liq*, dan *fasakh* yang dilaksanakan di wilayah tersebut.

#### **1.5 Pengertian Tajuk**

Dalam kajian ini, penulis telah memilih tajuk “Analisis terhadap pelaksanaan prosedur perkahwinan dan perceraian Majlis Agama Islam Wilayah Narathiwat, Thailand ”

Sebelum penulis meneruskan tulisan ini, adalah lebih baik sekiranya penulis menjelaskan serba sedikit tentang pengertian istilah-istilah yang penting di dalam tajuk ini.

**Analisis** ialah: perkataan yang asalnya dari bahasa Enggeris yang bererti : proses untuk menentukan sifat, struktur, juzuk, komposisi sesuatu bahan atau

penyelidikan, penghuraian mengenai sesuatu, seperti keadaan masalah dan lain-lain untuk mengetahui pelbagai espek secara terperinci atau mendalam atau dengan kata lain penghuraian sesuatu soal untuk mengetahui selok beloknya.<sup>22</sup>

**Perlaksanaan:** ialah prihal melaksanakan (menjalankan, mengusahakan rancangan) atau hasil daripada melaksanakan mengerjakan menyelsaikan suatu rangcangan (tugas).<sup>23</sup>

**Prosedur** merupakan istilah bahasa Inggeris yang berbunyi “*procedure*” yang memberi maksud tatacara, contohnya (*there are certain procedure for resolving labour dispute...*) ertinya ada tatacara tertentu untuk menyelesaikan pertikaian buruh.<sup>24</sup>

Menurut kamus dewan, perkataan “prosedur” juga berasal daripada perkataan bahasa Inggeris bermaksud cara yang lazim untuk membuat sesuatu urusan, aturan atau cara bekerja.<sup>25</sup>

**Perkahwinan** yang berasal dari perkataan ‘kahwin’ yang bererti ikatan yang sah di antara lelaki dan perempuan menjadi suami isteri yang sah disisi syarak dan undang-undang. Ianya sama dengan perkataan di dalam Bahasa Arab” *Nikāh* atau *zāwāj* yang mempunyai dua erti, iaitu erti sebenar (*Hāqīqī*) dan erti sindir (*Majāzī*) pengertiannya pada bahasa ialah bererti himpun atau campur.<sup>26</sup>

---

22 Teuku Iskandar (1984), *Kamus Dewan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hal. 34.

23 *Ibid.*, hal. 641.

24 Kementerian Pendidikan Malaysia (1992) *Kamus Dewan Engris-Melayu*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hal. 1237.

25 Teuku Iskandar, *op. cit.*, hal. 900.

26 Ibrahim Mustafa (1986) *Mu'jam wasīṭ*. Istambul:Där al-Da'wah. hal. 686.

Manakala pada istilah fuqaha pula ialah: *ijāb qabūl* (aqad) perjanjian yang menghalalkan persetubuhan antara lelaki dan perempuan yang diucapkan dengan kata yang menunjukkan *Nikāḥ*, *Tazwīj* menurut peraturan yang di tentukan oleh Islam.<sup>27</sup>

Perceraian dalam istilah ahli fiqh disebut *Talāq* atau *furqah*. Dari segi bahasa perkataan *Talāq* bererti: membukaikan ikatan, membatalkan perjanjian. Manakala perkataan *furqah* bererti bercerai, lawan dari berkumpul.<sup>28</sup> Kemudian kedua-dua ini dipakai oleh para ahli fiqh sebagai satu istilah yang bererti perceraian di antara suami isteri.

## 1.6 Kajian lepas

Terdapat kajian ilmiah di peringkat Sarjana yang bertajuk “Peranan Majlis Agama Islam Narathiwat Dalam Mengembangkan Dakwah Islamiah di Wilayah Narathiwat Thailand Selatan”. Kajian tersebut membincangkan tentang Majlis Agama Islam Wilayah Narathiwat dan ia telah dijalankan pada tahun 1993 oleh Ma-Useng Pador, Kampong di Fakultas Dakwah Institut Agama Islam Negeri Suanan Yogyakarta.

Kajian tersebut menunjukkan tentang peranan M.A.I.N dalam mengembangkan dakwah Islam terhadap masyarakat serta beberapa kelemahan M.A.I.N dalam urusan struktur pentadbiran dan organisasi dalam menyusun dan menggerakkan

---

<sup>27</sup> Syeikh Muhammad Al-Khaṭīb al-Syarbīnī (t.t.) *Al-Iqna' fi taḥlīl al-fāz Abī Shuja'*, Juzuk 2,

kerja dakwah. Kajian tersebut juga telah menunjukkan beberapa kelemahan dan kekurangan pihak M.A.I.N dalam urusan pentadbirannya. Diantara kelemahan dan kekurangannya dalam menyediakan para Da'i untuk meneruskan tugas dakwah dan mengurus hal ehwal Agama Islam di wilayah Narathiwat.

Terdapat beberapa kajian ilmiah yang telah dilakukan di peringkat ijazah dan sarjana, antaranya ialah kajian tesis (Sarjana Muda) pada tahun 1996 yang bertajuk (dalam bahasa Thai) “*Kan Cai Kod Mai Islam Nai Ked Cangwad Pattani, Narathiwat, Yala Le' Satun*” (Pelaksanaan Undang-undang Keluarga Islam dan Harta Pusaka di wilayah Pattani, Narathiwat, Yala dan Setun) oleh Somboon Puttacukr di University Culalongkon. Kajian tersebut membincangkan mengenai sejarah pelaksanaan undang-undang Islam di Thailand dan cara pentadbiran undang-undang kekeluargaan Islam serta perlaksanaannya di empat wilayah Selatan Thailand. Perbincangan juga turut menyentuh tentang peranan qadi (Dato' Yuthitam) di mahkamah Syar'ei yang agak terhad serta masalah-masalah yang dihadapi oleh pihak berkuasa agama Islam.

Kajian juga turut menyebut peranan Majlis Agama Islam Kebangsaan dan wilayah Selatan Thailand dalam melaksanakan undang-undang kekeluargaan Islam yang terbatas kepada umat Islam di empat wilayah Selatan Thailand. Antara lain ia juga membincangkan tentang perbandingan bidang kuasa mahkamah syar'ei di negara lain seperti Malaysia, Singapura dan Filipina.

---

Berut: Dār al-Fikri, hal. 115.  
28 Ibrāhim Mustafā. *op.cit*, hal. 685.

Terdapat sebuah lagi kajian yang bertajuk “Peranan Dato’ Qadhi (Dato’ Yu’thitham) Dalam Melaksanakan Hukum Kekeluargaan dan Warisan Di Peradilan Agama Empat Propinci Thailand”. Kajian ini dijalankan di peringkat Sarjana oleh Manupiah Mauti pada tahun 1998 di University Muhammadiyah Surakata Indonesia. Kajiannya mengambarkan peranan Dato’*Qādī* dalam melaksanakan undang-undang kekeluargaan Islam yang terbatas kepada empat wilayah Selatan sahaja dan bidang kuasa *Qādī Syar’ei* dalam menyelesaikan kes-kes umat Islam di mahkamah serta sambutan masyarakat Islam yang kurang berminat menyelesaikan kes-kes mereka di mahkamah, di mana umat Islam lebih suka menyelesaikan masalah kekeluargaan di Majlis Agama Islam Wilayah .

Antara kajian lain yang dijalankan di peringkat sarjana adalah berkaitan dengan pentadbiran undang-undang kekeluargaan Islam di empat Wilayah Selatan Thailand dalam bahasa Inggeris yang bertajuk “The Administration Of Islamic Family Law And Inheritance In Southen Thailand (Patani, Narathiwat, Yala, And Satun) oleh Mahamasake Cheha di kuliah undang-undang University Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) pada tahun 1998. Terdapat dalam kajiannya menyebut tentang beberapa perbincangan dalam hal ehwal pentadbiran pelaksanaan undang kekeluargaan Islam dan permasalahan dalam pelaksanaan undang-undang di mahkamah sivil; seperti cara menggunakan undang-undang tersebut adalah tidak menyeluruh kepada umat Islam di Thailand. Ia hanya terbatas kepada umat Islam di empat wilayah sahaja.

Kajian tersebut juga turut membincangkan tentang bidang kuasa qadi yang dilantik dan digunakan di mahkamah memerlukan syarat yang lebih ketat

mengenai pengetahuan hukum dan proses menyelesaikan kes orang Islam. Ia bukan sepetimana yang dijalankan sekarang, di mana *Qadi Syar'ei* hanya duduk di samping hakim apabila membicarakan kes-kes kekeluargaan orang Islam. Kekuasaan tidak diberi sepenuhnya kepada hakim (qadi Islam), manakala undang-undang pula terbatas kepada kekeluargaan dan harta pusaka sahaja. Kajian itu menunjukkan bahawa sambutan masyarakat dalam menangani masalah mereka di Mahkamah Syar'ei Wilayah amat kecil dimana umat Islam lebih berminat menyelesaikan kes-kes mereka di Majlis Agama Islam Wilayah kecuali sebahagian daripada kes-kes yang tidak dapat di selesaikan di Majlis Agama Islam Wilayah. Manakala Majlis Agama Islam tidak mempunyai kuasa untuk bertindak ke atas peraturan-peraturan yang dijalankan.

Selain dari kajian yang berkaitan dengan undang-undang kekeluargaan Islam, terdapat juga kajian yang berkaitan dengan peranan M.A.I.N dalam hal ehwal keluarga Islam yang bertajuk "Penghayatan Hak dan Tanggungjawab Suami Isteri Dalam Sistem Kekeluargaan Islam : Satu Kajian Khusus di Narathiwat Selatan Thailand" pada tahun 1998 di Akedemi Pengajian Islam Universiti Malaya. Kajiannya juga turut menyentuh tentang peranan M.A.I.N dalam menangani kes-kes yang berlaku dalam tuntutan hak suami isteri dan langkah-langkah pelaksanaan M.A.I.N dalam menangani masalah tersebut. Pengkaji juga turut menyarankan agar M.A.I.N mengambil inisiatif dalam mempertingkatkan lagi kesedaran dan kefahaman terhadap hak dan tanggungjawab suami isteri.

## **1.6 METODOLOGI**

Dalam kajian ini penulis telah melakukan penyelidikan secara perpustakaan dan juga kajian lapangan atau “*field research*”. Kaedah yang penulis telah gunakan untuk menyempurnakan tesis ini adalah seperti berikut.

- a) Metod penentuan subjek
- b) Metod pengumpulan data
- iii)Metod menganalisa data

### **A. Metod Penentuan Subjek**

Cara yang digunakan ialah dengan mengkaji sejarah Majlis Agama Islam Narathiwat dari segi penubuhan, struktur, organisasi dan prosedur-prosedur perkahwinan dan perceraian yang dilaksanakan di wilayah itu.

### **B. Metod Pengumpulan Data**

Dalam mengumpul data-data yang diperlukan, penulis menggunakan beberapa metod tertentu dan data-data yang diperolehi ini diambil dari sumber-sumber utama dan sumber-sumber kedua. Metod-metod tersebut ialah:-

### i) Metod Dokumentasi

Metod dokumen ialah cara pengumpulan data dengan membuat kajian terhadap dokumen-dokumen dan bahan bertulis yang ada hubungan dengan masalah yang dikaji.<sup>29</sup> Metod ini penulis gunakan untuk mendapatkan bahan-bahan yang berkaitan dengan kajian ini. Khususnya digunakan dalam bab tiga dalam perkara yang berhubungan dengan Latar belakang masalah seperti sejarah wialyah Narathiwat kenyataan penduduk wailayah Narathiwat, latar belakang Majlis Agama Islam Wilayah Narathiwat. Organisasi pentadbiran dasar dan tujuan Majlis Agama Islam Wilayah Narathiwat, undang- undang pentadbiran Organisasi dan Kekeluargaan Islam dan Sebahagian dari prosedur-prosedur perkahwinan dan prosedur penceraian yang dilaksanakan di Majlis Agama Islam.

### ii) Metod Temubual

Kaedah ini dilakukan untuk mendapatkan maklumat yang tidak terdapat dalam fakta-fakta bertulis. Penulis melakukan temubual dengan pegawai-pegawai Majlis Agama Islam Narathiwat, Dato' Qadi dan pihak-pihak yang terlibat dengan urusan perkahwinan di Majlis Agama Islam. Temubual yang dilakukan adalah bagi mendapatkan maklumat berkenaan dengan Sejarah Wilayah Narathiwat, sejarah penubuhan Majlis Agama Islam Wilayah Narathiwat, sejarah undang-undang kekeluargaan Islam, prosedur-prosedur perkahwinan serta penjelasan yang lebih lanjut terhadap hal-hal yang tidak tercatat dalam dokumen dan juga untuk

---

<sup>29</sup> Keot jaraningrat (1977) *metod- metode penelitian Masyarakat*. Jakarta : penerbit P.Tgramidia

mendapat maklumat yang tidak tercatit dalam dokumen tersebut, serta cara pelaksanaan dan masalah yang dihadapi dalam pelaksanaan prosedur-prosedur.

#### **iv) Metod Observasi**

Metod observasi merupakan cara pengumpulan data dengan melakukan pengamatan secara langsung terhadap subjek kajian. Penelitian metod observasi yang digunakan adalah metod yang penting terhadap penelitian dan penyusunan bahagian-bahagian tertentu di dalam kajian ini. Seperti perkara yang berkaitan dengan pentadbiran Majlis Agama Islam Wilayah Narathiwat. Objektif penubuhan dan prosedur-prosedur yang dijalankan di Majlis Agama Islam Wilayah Narathiwat serta pelaksanaan perkahwinan dan perceraian yang dilakukan di Majlis Agama Islam Narathiwat.

#### **v ) Kajian perpustakaan**

Penulis menggunakan metod kajian perpustakaan (*Library Research*) didalam mengutarakan landasan teori kajian seperti definisi perkataan perkahwinan, perceraian, sejarah dan latar belakang tempat kajian. Antara perpustakaan yang dikunjungi oleh penulis untuk memenuhi tesis ini ialah Perpustakaan Utama Universiti Malaya Kuala Lumpur dan Nilam Puri Kelantan, Perpustakaan College Islam Yala Thailand dan Perpustakaan John Kenedy dan perpustakaan Akademi Islam University of Songkla Nakharin Pattani Thailand.